

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	20 NOVEMBER 2016

Dr. Mahathir bimbang 'ditelanjangkan' puak pembangkang - Annuar Musa

UM - 20/11/2016

GOPENG 19 Nov. - Tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad 'bertukar-tukar baju' dengan menyertai perhimpunan haram Bersih 5.0 barangkali merupakan sebahagian daripada strategi beliau yang bimbang akan 'dimamah' serta 'ditelanjangkan' oleh pembangkang kelak.

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa berkata, Mahathir yang sering mempunyai perancangan tersembunyi, secara tidak langsung turut membuktikan kata-katanya dahulu bahawa setiap serangan yang ditujukan kepadanya hanya disebabkan beliau merupakan Presiden parti dan juga Perdana Menteri.

"Mungkin Tun Mahathir pakai baju buaya kerana takut dimakan oleh buaya, pakai baju harimau kerana takut dimakan

harimau, ia boleh jadi. Yang pastinya, dia boleh bertukar-tukar warna.

"Saya teringat balik Tun Mahathir pernah berkata dahulu kepada saya dan mengulangnya dalam mesyuarat Kabinet serta pada Perhimpunan Agung UMNO bahawa dia diserang kerana dia Presiden UMNO.



ANNUAR MUSA

"Dia diserang dan dibenci kerana dia adalah Perdana Menteri. Namun sekarang, saya nampak dia membuktikannya kata-katanya itu benar. Apabila dia tidak lagi menjadi Presiden UMNO dan Perdana Menteri, orang dahulu yang menyērangnya, sekarang sudah mencium tangan dia, baik Mat Sabu, Lim Kit Siang dan Anwar Ibrahim," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Himpunan Pimpinan Bersama

Akar Umbi Perak di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Gopeng di sini hari ini yang turut dihadiri oleh Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir selaku Pengerusi Perhubungan UMNO negeri.

Dalam pada itu, Annuar berkata, tindakan untuk meneruskan penganjuran perhimpunan haram Bersih 5.0 sengaja mencabar pihak berkuasa sekali gus tidak menghormati perundangan negara.

Menurut beliau, sesetengah pihak sengaja menggunakan cara tersebut untuk mencetuskan huru-hara sekali gus mengakibatkan kemuncupan ekonomi yang sememangnya dimahukan oleh pembangkang.

"Budaya siapa yang Mahathir bawa untuk melakukan demonstrasi ini. Kalau difikirkan, andai Bersih ini disebabkan oleh ketidakpuasan hati terhadap pilihan raya, maka pesalah terbesar ialah Mahathir sendiri," katanya.